

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian di dalam aspek khusus yang melindungi kanak-kanak dari asuhan seksual (*sexual grooming*) dan mewujudkan undang-undang khas berkaitan asuhan seksual.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri telah mengumumkan semasa sambutan Hari Wanita Kebangsaan untuk meninjau kemungkinan mewujudkan satu akta baru yang khusus bagi jenayah seksual kanak-kanak atau meminda akta-akta berkaitan jenayah seksual kanak-kanak termasuk Kanun Keseksaan, Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016, Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 dan Akta Keterangan 1950. Sehubungan itu, satu Pasukan Petugas Jenayah Seksual yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan.

Pasukan ini dianggotai oleh agensi Kerajaan, NGO dan pertubuhan yang berkaitan antaranya seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Peguam Negara,

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri, Polis Diraja Malaysia dan Majlis Peguam Negara.

Dalam pada itu, KPWKM telah sedia membangunkan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber (PTCOP) yang diluluskan oleh Kerajaan pada 11 Februari 2015 dan telah dilancarkan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 24 Mac 2015. Pelan tindakan ini bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada bahaya ancaman siber yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja setiap kali mereka melayari Internet. Usaha ini sejajar dengan matlamat Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara yang menetapkan bahawa setiap kanak-kanak perlu mendapat perlindungan daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksplotasi.

Bagi mencapai objektif PTCOP ini, 20 strategi telah dirangka berdasarkan 4 aspek utama iaitu advokasi, pencegahan, intervensi dan khidmat sokongan. Pelbagai agensi pelaksana telah dikenal pasti termasuk agensi Kerajaan (cth: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Kementerian Pendidikan), NGO (cth: Yayasan Generasi Gemilang dan PS the Children), pihak swasta (cth: DiGi) dan lain-lain bagi melaksanakan setiap program yang dirangka.

Pelan tindakan ini merangkumi program dan tindakan bersepadu yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dalam melindungi kanak-kanak dalam dunia siber. Ia juga berperanan sebagai pemangkin dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen setiap anggota masyarakat terutamanya ibu bapa, penjaga, guru, komuniti dan NGO.

Dalam pada itu, KPWK dengan kerjasama NGO juga mengadakan program advokasi kepada ahli masyarakat khususnya ibu bapa mengenai kepentingan dalam mengawasi anak-anak daripada ancaman seksual dan siber seperti program Klik Dengan Bijak yang dilaksanakan oleh MCMC. Dalam program advokasi ini, ibu bapa didedahkan dengan teknik mengajar anak-anak tentang komunikasi selamat dan sebagainya.

KPWKM dengan kerjasama pelbagai agensi juga akan membangunkan satu dokumen rujukan kepada semua agensi dalam menangani kes-kes jenayah seksual sama ada secara (dengan izin) *online* atau *offline*. KPWK mengalu-alukan kerjasama dengan lebih ramai NGO atau organisasi yang komited dalam melaksanakan advokasi yang lebih meluas mengenai pencegahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak termasuk asuhan seksual (*sexual grooming*).